

PEMBEDAHAN PLASTIK UNTUK KECANTIKAN MENURUT QURAN, SUNNAH DAN FIQH

Nur Amira Binti Abdul Parik¹
Nor Auni Irdina Binti Hazizi²
Nurul Atikah Binti Md Nasir³
Syed Najihuddin Syed Hassan⁴

¹Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam (USIM), Malaysia, (E-mail: nrmira@raudah.usim.edu.my)

²Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam (USIM), Malaysia, (Email: aunizizie@raudah.usim.edu.my)

³Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam (USIM), Malaysia, (E-mail: nurulatikah@raudah.usim.edu.my)

⁴Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam (USIM), Malaysia, (E-mail: syednajihuddin@usim.edu.my)

ABSTRAK

Kajian ini memfokuskan tentang pembedahan plastik yang menjadi salah satu budaya yang tidak asing lagi dalam kalangan masyarakat Melayu. Pembedahan plastik ini bertujuan untuk kecantikan. Namun, Islam telah menetapkan garis panduan yang membolehkan pembedahan plastik dibenarkan jika terdapat kemudahan. Walaupun Islam telah membenarkan sesuatu pembedahan plastik dijalankan mengikut hukum syarak namun, masih terdapat segelintir masyarakat yang menyalahgunakan kaedah rawatan ini yang bukan bertujuan untuk kesihatan dan kemudahan diri. Golongan ini secara terang-terangan melakukan pembedahan plastik untuk kelihatan lebih sempurna dan bukan untuk perubatan atau kesihatan. Oleh itu, kajian ini meneliti faktor yang mempengaruhi pembedahan plastik serta hukum dan prosedur pembedahan plastik menurut syarak. Kajian ini akan menggunakan kaedah kualitatif dengan menjadikan dokumen analisis (jurnal, artikel, google scholar) sebagai instrument kajian. Kajian ini dianalisis dengan pendekatan tematik. Dapatan kajian menunjukkan bahawa terdapat beberapa faktor utama yang menyebabkan seseorang melakukan pembedahan plastik. Selain itu, terdapat juga prosedur dan syarat yang perlu dipatuhi menurut syarak bagi mereka yang ingin melakukan pembedahan plastik. Disamping itu, hukum yang membolehkan pembedahan plastik disisi Islam perlu juga dititikberatkan bagi mengelakkan sesuatu perbuatan itu menyalahi hukum syarak. Umum mengetahui bahawa Islam itu adalah agama yang menyeluruh bagi semua umat Islam dan tidak akan ketinggalan dalam menangani isu-isu semasa termasuklah kaedah pembedahan plastik yang dibenarkan mengikut hukum syarak. Pembedahan plastik bukanlah sesuatu yang wajar untuk dilakukan oleh manusia sesuka hati namun, sekiranya terdapat keadaan yang membolehkan mereka melakukannya maka dibolehkan disisi hukum syarak bertujuan untuk kesihatan dan kemudahan diri.

Kata Kunci: Pembedahan plastik, hukum, quran, sunnah, usul fiqh.

Pendahuluan

Allah SWT telah mencipta manusia dengan kesempurnaan yang tiadaandingannya. Manusia diberikan bentuk fizikal yang unggul berbanding dengan makhluk ciptaan-Nya yang lain. Walaupun demikian, ada kalangan manusia yang tidak puas hati dengan kejadian dan bentuk yang Allah anugerahkan kepada mereka. Dalam masyarakat kontemporari, terdapat kecenderungan di kalangan beberapa individu yang obses dengan penampilan fizikal, sehingga mereka bersedia menjalani pelbagai kaedah untuk mencapai standard kecantikan yang dinilai tinggi oleh masyarakat. Salah satu kaedah yang menjadi pilihan adalah pembedahan plastik, terutamanya pada bahagian-bahagian tertentu pada tubuh. Pembedahan plastik adalah prosedur perubatan yang menawarkan pembentukan semula struktur badan individu kepada bentuk baru, sama ada daripada tidak normal kepada normal atau daripada kurang cantik kepada lebih cantik. Biasanya, pembedahan plastik dilakukan untuk memperbaiki fungsi sesuatu anggota badan atau untuk tujuan kecantikan (Hamdan, Ramli, & Wan Ali, 2016).

Definisi Istilah

Untuk memahami konsep dengan lebih baik, penulis akan menerangkan dengan lebih lanjut mengenai maksud topik:

‘Pembedahan Plastik Untuk Kecantikan Menurut Quran, Sunnah Dan Fiqh’

Maksud pembedahan plastik adalah berasal dari dua kata, iaitu “Pembedahan” yang bermaksud “pembedahan” dan “Plastik” yang berasal dari empat bahasa iaitu, plasein (Bahasa Kunonya), plastic (Bahasa Belanda), plasticos (Bahasa Latin), plastics (Bahasa Inggris), yang kesemuanya itu bermaksud “berubah bentuk”, di dalam Ilmu Kedokteran dikenal dengan “plastics of surgery” yang bermaksud “pembedahan plastik.” Pengertian pembedahan plastik secara umum adalah berubah bentuk dengan cara pembedahan, sedangkan pengertian pembedahan plastik menurut ilmu kedokteran adalah pembedahan jaringan atau organ yang akan dibedah. Jaringan adalah kumpulan sel-sel (bagian terkecil dari individu) yang sama dan mempunyai fungsi tertentu, sedangkan organ adalah kumpulan jaringan yang mempunyai fungsi yang berbeza sehingga merupakan satu kesatuan yang mempunyai fungsi tertentu (Maghfiroh & Heniyatun, 2015). Kata "plastik" juga dalam konteks pembedahan plastik berasal dari bahasa Yunani "plastikos," yang bermaksud "membentuk" atau "mencipta.". Dalam konteks bahasa Arab, ia dikenali sebagai "Jirahah al-Tajmil", yang merujuk kepada pembedahan yang dilakukan untuk memperbaiki fungsi anggota tubuh yang mengalami kekurangan, kehilangan, atau kerosakan. (Abdul Syukur al-Azizi, 2015). Oleh itu, pembedahan plastik merujuk kepada bidang perubatan yang melibatkan prosedur pembedahan untuk memperbaiki, mengubah, atau memulihkan bentuk dan fungsi organ atau bahagian tubuh manusia. Pembedahan plastik boleh dilakukan atas pelbagai sebab, termasuk untuk tujuan rekonstruktif selepas kecederaan atau pembedahan, atau untuk tujuan meningkatkan penampilan fizikal (Arifin, 2017).

Tinjauan Literatur

Terdapat tiga perkara yang akan dibincangkan dalam tinjauan literatur iaitu pembedahan plastik, pembedahan plastik untuk kecantikan dan pembedahan plastik menurut Quran, Sunnah dan Fiqh.

Pembedahan plastik

Pembedahan plastik bermula dari bentuk apresiasi terhadap tentera yang telah banyak berjuang di medan perang pada perang Dunia Kedua. Mereka mendapatkan pelayanan dalam penyembuhan luka-luka ketika pertempuran, sehingga tubuh mereka dapat kembali normal tanpa ada cacat yang mengganggu keseharian mereka. Berterusan pada tempoh paska perang dunia kedua, praktik pembedahan plastik dilakukan atas permintaan masyarakat Amerika umumnya. Menurut Anthony Elliot bahawa beberapa pesakit pembedahan plastik di Asia juga mengalami hal yang sama agar lebih terlihat seperti suku Kaukasia (Azizah Kumalasari, 2020).

Prosedur kecantikan atau dikenali sebagai pembedahan kosmetik yang merupakan salah satu cabang utama dalam perkhidmatan perubatan umum di Korea, telah menunjukkan peningkatan yang ketara dalam pengukuran pasaran yang mana mencecah nilai ke ratusan ribu dolar sehingga terciptasebagai salah satu bidang industri yang sangat berjaya di Korea. Pakar melaporkan pembedahan kosmetik meningkat sehingga 17 peratus dari tahun 1999 sehingga ke tahun 2000 yang menjangkau sehingga 170 bilion Won iaitu bersamaan 144 million dolar. Pembedahan kosmetik bukan merupakan prosedur untuk rawatan dan penjagaan kesihatan umum. Sebaliknya, ia adalah domain ideologi di mana obsesi wanita terhadap penampilan (merupakan gabungan antara perintah sosial dan keseronokan peribadi) serta kerangka idea sosiobudaya mengenai obsesi terhadap penampilan yang berlaku secara rumit. Domain ini merangkumi sistem yang telah mencipta logik tertentu di mana modal teknologi menembusi norma-norma sosiobudaya, yang membantu mengembangkan kepentingannya (Woo, 2004).

Perawatan kecantikan merupakan suatu hal yang sangat berperan penting bagi masyarakat saat ini, dan dari cara yang sederhana sampai dengan cara yang dapat membahayakan pun mereka lakukan demi memperoleh kecantikan yang sempurna. Di era modern ini berkembanglah suatu tren kecantikan iaitu dengan operasi plastik. Operasi plastik merupakan suatu cara untuk merubah penampilan seperti memancungkan hidung, meniruskan wajah dan lainnya yang dapat menonjolkan sebuah penampilan (Arifin, 2017).

Pembedahan plastik untuk kecantikan

Menurut Mufti Pulau Pinang, Datuk Seri Wan Salim Wan Mohd. Noor (2023), beliau berkata pembedahan plastik terutamanya di bahagian wajah termasuk dalam tindakan mengikut hawa nafsu. Beliau berkata, perbuatan itu dilarang keras oleh syarak dan semata-mata mengikut hasutan Iblis seperti difahami daripada ayat 119 surah al-Nisa'.

Perhimpunan Fiqh (Majma' Fiqh) yang berpusat di Jeddah, Arab Saudi menyatakan haram melakukan pembedahan plastik untuk mencantikkan diri sehingga mengubah ciptaan Allah. Selain itu, mengubah rupa bentuk wajah secara keterlaluan seperti membesar atau mengecilkan hidung, bibir, mulut, memperluas pelupuk mata, meraut bulu kening dan sebagainya dianggap sebagai sejenis penipuan,” katanya di sini semalam.

Menurut artikel yang ditulis oleh Hamid Reza Salehi dan Ann Marie Mangion (2014) yang bertajuk “Aspek undang-undang pembedahan kosmetik dan plastik” membahas kecenderungan manusia terhadap kecantikan sebagai keinginan intrinsik sepanjang sejarah. Selain itu, artikel ini juga menjelaskan bahawa keraguan awal terhadap keabsahan pembedahan kosmetik berhasil diatasi oleh perkembangan konsep penyakit dan teori pembedahan kontemporari. Pembedahan kosmetik saat ini diakui sebagai bentuk perawatan yang sah, meskipun dalam beberapa sistem hukum dan negara Islam, kewajiban perubatan umumnya dianggap sebagai tanggung jawab terhadap kesihatan. Namun, dalam beberapa kes, kewajiban dapat diarahkan pada pengambilan keputusan. Seterusnya, artikel ini juga membahas konteks hukum di Iran, di mana kewajiban pakar bedah didefinisikan sebagai tanggungjawab terhadap keputusan yang masuk akal.

Rawatan suntikan filler di rahang bagi mendapatkan dagu yang runcing, suntikan V-shape face (wajah berbentuk V) mahupun suntikan botox adalah dilarang. Maka, segala kaedah sama ada melibatkan pembedahan plastik atau suntikan yang menyebabkan perubahan daripada bentuk asal hanya bagi tujuan kecantikan adalah haram. Bahkan, mereka yang menjalankan rawatan menghalang proses penuaan seolah menafikan terhadap fitrah semulajadi yang akan dilalui oleh setiap insan dalam meniti usia lanjutnya. Justeru, umat Islam tidak sepatutnya melibatkan diri dalam segala jenis rawatan kosmetik untuk kecantikan yang boleh mengubah ciptaan Allah (Bakharudin, 2021).

Pembedahan plastik menurut Quran, Sunnah dan Fiqh.

Menurut (Aravik, Havis, et al, 2018) dalam penulisan jurnalnya yang bertajuk “Operasi Plastik Menurut Perspektif Islam” menyimpulkan bahawa secara umumnya operasi plastik dapat dibahagikan kepada dua kategori berdasarkan kepada tujuan dan sifatnya. Pertama, sekiranya pembedahan plastik yang dilakukan untuk keperluan maka ianya dibenarkan dalam islam kerana bersifat darurat dan penting serta diperlukan untuk memelihara kewujudan manusia. Contohnya, pembedahan untuk memperbaiki kecacatan tubuh badan disebabkan oleh kebakaran, kemalangan atau cacat bawaan lahir bagi mengelakkan kemudaratan dan memberikan keutamaan kepada manfaatnya dibolehkan. Kedua, operasi plastik bertujuan semata-mata untuk kepuasan peribadi, kecantikan diri seperti peningkatan penampilan fizikal tidak dibenarkan. Jenis pembedahan ini boleh membawa kearah risiko komplikasi yang tinggi dan diharamkan dalam islam kerana dianggap sebagai tindakan yang mengubah ciptaan Allah SWT contohnya mengubah jenis kelamin atau jantina.

Kajian yang dilakukan oleh M Nashih Ulwan dan Rachamad Risqy Kurniawan (2023) yang bertajuk “Operasi Plastik Perspektif Hukum Islam” menyatakan maksud operasi plastik berasal dari empat bahasa iaitu bahasa Yunani (plasticein), bahasa Belanda (plastic), Bahasa Latin (plasticos) dan bahasa Inggris (plastics), semua bahasa ini membawa maksud “berubah bentuk”. Selain itu, operasi plastik juga dikenal dengan “plastics of surgery” dalam Ilmu Kedokteran. Seterusnya, kajian ini juga menjelaskan tujuan melakukan operasi plastik yang terbahagi kepada dua iaitu untuk kecantikan dan untuk kesihatan. Selain itu, kajian ini juga membahaskan berkaitan dengan kesan sampingan dalam jangka masa yang panjang kepada tubuh badan manusia. Akhir sekali, kajian ini membincangkan pandangan agama terhadap operasi plastik yang terbahagi kepada dua iaitu operasi ghairu ikhtiyariyah yang bertujuan untuk mengubati penyakit tanpa kekuasaan manusia dalam penyakit tersebut dan hukumnya adalah diharuskan atau dibolehkan. Manakala operasi ikhtiyariyah dengan keinginan untuk kecantikan dan keindahan diri hukumnya haram menurut syarak.

Dapatan kajian oleh Media Permata (2018) menyatakan bahawa pembedahan membentuk semula kerana berubat seperti kecederaan atau memulihkan semula bentuk anggota yang rosak seperti penyakit dan kecacatan sejak lahir, adalah harus dan boleh menurut syara'. Pembedahan begini tidak ditegah bahkan secara umumnya digalakkan dan malah dalam keadaan-keadaan tertentu boleh sampai ke tahap wajib. Misalnya membetulkan atau membaik pulih tulang yang retak atau patah, atau menjahit luka yang membahayakan, atau menampal kulit yang terbakar dan sebagainya. Semua ini adalah bersifat rawatan untuk kesembuhan dan keselamatan, bukan pembedahan yang bertujuan mengubah kejadian ciptaan Allah Subhanahu wa ta'ala.

Bedah plastik dalam fiqh kontemporer disebut al-jirahah al-tajmiliyyiah. Bedah plastik ialah mengubah bentuk dengan cara bedah, baik bedah jaringan atau organ, maka dalam kajian hukum Islam melihat kepada pembahasan mengubah bentuk atau membelah. Sebagai umat Islam yang wajib berpegang teguh pada syari'at Islam dalam semua aktifitas maka sepatutnya seorang muslim mengetahui maksud dan hukum bedah plastik sebelum melakukannya. Karena itu, para ulama berasaskan kepada al-Qur'an dan hadis memberikan pandangan dalam tulisan-tulisan mereka mengenai mengubah bentuk (Fatahillah, Aji Haqqi, Matali, & Kurniawan, 2023).

Menurut (Azahar, Muhammad Afifi, & Mohd Izhar Ariff Mohd Kashim, 2023) dalam kajiannya yang bertajuk “Dawabit Fatwa Mengubah Ciptaan Allah yang Diharamkan Menurut Ulama” menyimpulkan bahawa larangan untuk mengubah ciptaan Allah ini tidak bersifat umum kerana terdapat keadaan yang membenarkan tindakan tersebut, seperti dalam rawatan untuk menghilangkan kecacatan. Oleh itu, keberadaan dawabit fatwa yang mengawal perubahan ciptaan Allah menjadi suatu keperluan untuk menjelaskan batasan yang dibenarkan dan yang dilarang dalam agama. Artikel ini dengan terperinci membincangkan dawabit fatwa tersebut yang melibatkan perubahan ciptaan Allah yang diharamkan. Kajian ini penting kerana menunjukkan bahawa dawabit-dawabit ini dapat menjadi panduan untuk masyarakat Islam, memberikan pandangan yang jelas mengenai apa yang dibolehkan dan dilarang, serta membantu mengawal penyebaran amalan yang tidak dibenarkan. Selain itu, dengan

adanya dawabit fatwa ini, masyarakat dapat dihindarkan daripada melakukan perkara yang bertentangan dengan ajaran agama tanpa menyedarinya.

Menurut (Vina Nurlianda,2020) dalam kajiannya yang bertajuk “Indikasi Keharaman Operasi Plastik Dalam Perspektif Hukum Islam” telah memfokuskan kepada pelaksanaan pembedahan plastik dari sudut pandang hukum islam yang dapat ditemui dalam ayat Al-Quran dan hadis. Ianya juga memfokuskan bagaimana pelaksanaannya berlaku dalam kalangan masyarakat setempat, dan cara penyelesaian yang boleh diambil apabila terdapat keharaman terhadap pelaksanaan pembedahan plastik dalam konteks hukum Islam. Terdapat ketetapan dan firman Allah yang membenarkan pelaksanaan pembedahan plastik dan juga yang melarangnya, bergantung kepada keperluan individu yang menjalankan pembedahan tersebut. Seterusnya, untuk mengatasi keharaman dalam pembedahan plastik, penting untuk menilai terlebih dahulu alasan dan sebab di sebalik pelaksanaan pembedahan plastik tersebut. Jika tujuan dan matlamat utama pembedahan plastik tersebut adalah untuk menutupi aib, maka boleh dilakukan dengan syarat-syarat tertentu yang tidak melanggar dan bercanggah dengan prinsip Islam yang lain. Namun, sekiranya ia bertujuan untuk kecantikan diri dan fizikal semata-mata, maka disarankan bagi umat Muslim yang beriman untuk menjauhinya.

Kajian yang dijalankan oleh Naqib Hamdan, Mohd Anuar, Aminudin, Nur Najwa Hanani, Muhammad Faiz dan Syamsul Azizul (2021) yang bertajuk "Penerapan Pendekatan Berorientasikan Maqasid dalam Bioetika Islam: Kajian Kes Mengenai Fatwa Berkaitan Dengan Pembedahan Kosmetik, Plastik dan Rekonstruktif", menyatakan bahawa pembedahan kosmetik, merupakan satu prosedur pilihan untuk mengubah penampilan fizikal, kini mendapat permintaan tinggi disebabkan oleh beberapa faktor iaitu perasaan rendah diri, kehendak mencapai standard kecantikan masyarakat, dan pengaruh media massa. Sebagai seorang Muslim, penilaian terhadap pembedahan kosmetik harus melibatkan aspek perundangan untuk menentukan perlu keperluan (darurah), kehendak (hajjah), atau penambahbaikan (tahsinah), dengan menimbang masalah dan mafsadah yang terlibat. Penelitian terhadap fatwa perubatan berkaitan pembedahan kosmetik menunjukkan bahawa prosedur tersebut ditujukan untuk memperbaiki penampilan fizikal tanpa alasan perubatan yang ditegah. Seterusnya, penelitian fatwa perubatan relevan menunjukkan bahawa pertimbangan maqasid al-shariah menjadi asas untuk menilai keperluan pembedahan kosmetik dalam Islam, memandu doktor dan pesakit dalam membuat keputusan yang lebih bermakna. Sinergi antara pakar syariah dan doktor perubatan penting dalam perbincangan undang-undang Islam atau fatwa berkaitan perubatan.

Menurut (Zahwa et al, 2023) dalam kajiannya yang memfokuskan terhadap pembedahan bariatik yang menjadi salah satu pilihan rawatan perubatan alternatif bertujuan untuk membantu pesakit mengatasi risiko penyakit komplikasi akibat obesiti dan masalah metabolik lain melalui penurunan berat badan. Selain itu, kajian ini juga mengkaji pandangan Islam terhadap pembedahan bariatik, yang dibahagikan kepada dua aspek, iaitu faktor dan alasan yang mendorong keputusan untuk menjalani tindakan ini. Pembedahan bariatik dianggap haram jika tujuannya semata-mata untuk keinginan

menjadi kurus, mencapai tubuh yang ideal, atau mempercantik diri, kerana dianggap sebagai perubahan terhadap ciptaan Allah SWT dan ketidakbersyukuran terhadap nikmat-Nya. Namun, jika terdapat perubahan yang bersifat kecemasan dan merupakan penyelesaian terbaik untuk kesihatan tubuh, maka pembedahan tersebut dianggap boleh dilakukan.

Kajian ini juga disokong oleh Ney (2023) dengan menyatakan bahawa amalan pembedahan plastik menurut hukum Islam adalah dibolehkan atau sah kerana terdapat alasan kesihatan yang mengganggu seseorang sehingga perlu dilakukan perbaikan pada tubuh untuk menghilangkan rasa sakit atau bahaya yang tentu saja tidak dibenarkan pembedahan plastik bertujuan untuk mengubah jantina dan mengubah bahagian tubuh manusia agar kelihatan lebih cantik. Justeru kita, perlulah melihat kepada keperluan sama ada perlu kepada pembedahan plastik atau tidak. disamping itu juga, kita perlulah memandang serta mengambil berat terhadap hukum yang telah ditetapkan.

Dapatan Kajian

Jenis-Jenis Pembedahan Plastik

Menurut pandangan Hamdan, Ramli, & Wan Ali (2006) terdapat dua jenis pembedahan plastik iaitu pembedahan rekonstruktif dan kosmetik yang mana asal kedua-dua pembedahan ini untuk kecantikan. Namun terdapat beberapa ciri-ciri yang membezakan antara dua jenis pembedahan ini.

Pembedahan Rekonstruktif

Pembedahan rekonstruktif ini ialah pembedahan yang bertujuan untuk membaiki bentuk anggota badan yang mempunyai masalah atau rosak akibat daripada kemalangan, kecacatan dari lahir dan kebakaran. Sebagai contoh kecacatan sejak lahir seperti klef atau lebih dikenali sebagai sumbing. Masalah klef atau sumbing ini sering kali berlaku iaitu di bubur atau langit. Menurut kajian Dixon et al., (2011) bibir sumbing atau langit adalah kecacatan kongenital paling biasa pada bahagian kraniofasial ianya berlaku dalam kira-kira 1: 1000 kelahiran hidup.

Di samping itu menurut kajian Aleas (2022) menyatakab bahawa pembedahan rekonstruktif adalah satu cabang disiplin pembedahan yang berkaitan dengan membina semula atau membaikpulih bentuk atau fungsi bahagian tubuh yang tidak normal akibat kecederaan, penyakit atau kecacatan kongenital. Hal ini kerana untuk mengembalikan fungsi serta penampilan yang asal atau normal yang perlu melibatkan prosedur pembedahan pada bahagian yang mempunyai masalah sahaja. Sebagai contoh membaiki semula struktur bahagian pada badan setelah menjalani pembedahan akibat kanser atau terkena asid yang menyebabkan struktur badan berubah. Seperti pada bahagian muka yang terkena asid kulit muka akan menjadi kedut serta kelihatan seakan kendur dan terbakar. Jadinya dengan pembedahan ini akan kembalikan struktur muka seseorang kepada normal serta kelihatan seperti sediakala walaupun tidak kembali ke rupa asal serratus peratus atau secara keseluruhannya. Namun, sekurang-kurangnya wajahnya dapat diperbaiki dengan baik.

Oleh itu, pembedahan rekonstruktif ini bukanlah dibuat untuk kecantikan semata-mata untuk mendapat pujian masyarakat tetapi kecantikan untuk menutup keaiban atau maruah seseorang daripada dipandang buruk oleh masyarakat. Malahan ia juga untuk meningkatkan kualiti kehidupan seseorang kerana struktur badan yang terganggu atau hilang dari rupa yang asal. Ini juga untuk kebaikan kepada seseorang supaya lebih yakin untuk bergaul dengan masyarakat luar terutamanya golongan kanak-kanak yang menghadapi masalah sumbing ini mereka akan merasa malu untuk bergaul dengan rakan-rakan mereka.

Pembedahan Kosmetik

Pembedahan kosmetik ialah bertujuan untuk membentuk semula anggota badan yang normal berdasarkan keinginan pesakit bagi meningkatkan tahap keyakinan dan harga diri (Hamdan, Ramli, & Wan Ali, 2006). Pembedahan plastik ini adalah sememangnya untuk kecantikan semata-mata serta dipandang cantik oleh masyarakat. Sebagai contoh memancungkan hidung dan meruncingkan dagu. Perkara ini berlaku kerana seseorang itu cenderung untuk kelihatan cantik malah dia tidak yakin dengan struktur asal muka yang dimilikinya.

Menurut kajian Salehi (2014) pembedahan kosmetik juga dikenali sebagai pembedahan plastik juga dikenali sebagai pembedahan estetik. Pembedahan ini lebih fokus kepada penggunaan jarum atau tidak memerlukan kepada pembedahan. Sebagai contoh filler, botoks, tanam benang dan sebagainya.

Terdapat pembedahan kosmetik yang popular yang mana menjadi pilihan masyarakat seperti lipoplasty (sedut lemak), eyelid lift procedures (mencantikkan kelopak mata), face lift (mencantikkan muka) dan breast augmentation (pembesaran buah dada) (Hamdan, Ramli, & Wan Ali, 2006). Semua pembedahan terutamanya pembedahan plastik ini adalah di atas permintaan pelanggan itu sendiri bukan disebabkan doktor atau orang yang melakukan pembedahan tersebut. Hal ini kerana keinginan seseorang itu untuk kelihatan cantik.

Faktor- Faktor yang Mempengaruhi Pembedahan Plastik

Terdapat pelbagai faktor yang menyebabkan seseorang itu melakukan pembedahan plastik. Tujuan utama pembedahan plastik adalah untuk memperbetulkan kecacatan pada anggota badan manusia yang disebabkan oleh pelbagai faktor. Keadaan kecacatan boleh bermula sejak dari lahir, seperti sindrom wajah panjang atau bibir sumbing, atau boleh disebabkan oleh kemalangan. Oleh kerana keadaan ini, seseorang mungkin merasa perlu menjalani pembedahan plastik, jika pembedahan plastik ini tidak dilakukan, individu tersebut mungkin menghadapi kesulitan dalam menghadapi pandangan masyarakat terhadap penampilan mereka. Tambahan pula, sebahagian individu menjalani pembedahan plastik dengan niat untuk mengembalikan fungsi tubuh yang terjejas. Walaupun demikian, kebanyakan masyarakat kini cenderung menjalani pembedahan plastik atas tujuan kecantikan, terutamanya di kalangan wanita. Mereka terlalu taksud dengan idola mereka sehinggakan ingin melakukan pembedahan plastik agar serupa dengan penampilan idola mereka. Tidak hanya itu, keinginan untuk mendapatkan wajah yang lebih sempurna juga merupakan faktor seseorang individu untuk melakukan pembedahan plastik (Azmy, 2011).

Di samping itu, faktor kelainan atau kecacatan tubuh juga merupakan penyebab untuk melakukan pembedahan plastik. Faktor ini bertujuan untuk memperbaiki dan

menyempurnakan organ tubuh badan agar dapat berfungsi secara normal. Selain itu, dengan melakukan pembedahan plastik diharapkan dapat menyembuhkan penyakit yang dialami seseorang individu agar dapat menjalani hidupnya dengan baik dan sempurna seperti orang lain (Maghfiroh & Heniyatun, 2015).

Seterusnya, kajian oleh Dr Nadiawati Abdul Razak dan Dr Ahmad Hafizam Hasmi (2023) menyatakan bahawa faktor yang membawa kepada pembedahan plastik ialah obsesi terhadap kecantikan kerana seseorang individu itu terlalu memikirkan kepada kecantikan dan kesempurnaan diri. Selain itu, kepesatan teknologi moden dalam industri kecantikan juga menyebabkan peningkatan orang melakukan pembedahan plastik dan laser.

Tambahan pula, pengaruh media memainkan peranan dalam mendesak kehendak wanita mahupun lelaki dengan obsesi kepada kecantikan. Beberapa juga faktor yang mendorong bedah kosmetik adalah tayangan televisyen yang dalam filem-filem secara tidak langsung membentuk pengetahuan standard kecantikan pada sebuah wilayah, contohnya karakter Cinderella atau Barbie yang digambarkan sebagai kecantikan yang sempurna bagi seorang wanita (Ben-Ari, 2013).

Selain itu, satu aspek yang nyata adalah bahawa pembedahan kosmetik berakar dari tingkat keyakinan diri yang rendah dan kesukaran dalam menerima diri sendiri seadanya. Khususnya di kalangan wanita, terdapat tekanan yang besar untuk sentiasa mengekalkan penampilan yang menarik dan cantik. Pelbagai tekanan untuk mencapai standard kecantikan yang ditetapkan boleh menimbulkan tekanan emosi dan perasaan tidak puas terhadap diri sendiri. Perasaan rendah diri dan rasa tidak yakin yang membuak-buak sering kali mendorong golongan ini membuat keputusan untuk menjalani pembedahan kosmetik (Nadiah, 2021).

Pandangan Tokoh Islam Terhadap Pembedahan Plastik

Pandangan Wahbah Zuhaili terhadap pembedahan plastik

Wahbah al-Zuhaili merupakan seorang cendekiawan ulama dalam bidang tafsir dan fikih yang kontemporari, berasal dari Dir 'Athiyah, Damaskus, Syria. Pembedahan plastik, menurut pandangan Wahbah Zuhaili, melibatkan pemindahan bahagian-bahagian badan di dalam tubuh seseorang. Keputusan seseorang individu untuk menjalankan jenis pembedahan ini perlulah dipertimbangkan terlebih dahulu dengan teliti dan baik bagi mengelakkan sebarang risiko yang buruk yang boleh membawa kemudaran kepada diri seseorang. Selain itu, pembedahan plastik sewajarnya harus mematuhi prinsip-prinsip Islam dan tidak bertentangan dengan Islam, hal ini termasuklah memperbetulkan kecacatan yang mempengaruhi kesihatan fizikal atau mental seseorang, atau mengembalikan bahagian badan yang hilang kepada bentuk atau kepada fungsinya semula.

Pelaksanaan pembedahan plastik dalam Islam tidak mempunyai penentuan hukum yang khusus dalam Al-Quran atau Sunnah. Namun begitu, prinsip yang menyeluruh adalah untuk menggantikan kecacatan yang lebih ketara kepada yang lebih kecil. Penentuan hukum pembedahan plastik dalam Islam dibenarkan dalam konteks istihsan (kemaslahatan). Contohnya, pembedahan plastik yang dijalankan untuk menangani kecacatan bawan atau berpunca daripada kemalangan dianggap boleh diterima kerana ia membantu individu dalam

meringankan beban yang mereka tanggung. Oleh itu, dapat disimpulkan bahawa pelaksanaan pembedahan plastik dibolehkan dalam Islam apabila dianggap membawa banyak manfaat atau masalah. Namun, jika terdapat lebih banyak mafsadah atau kerugian yang ditimbulkan, maka ianya dialarag dalam islam (Andriyani, 2021).

Pandangan Abdul Karim Zaidan terhadap pembedahan plastik

Menurut pandangan Abdul Karim Zaidan, pembedahan plastik merujuk kepada tindakan mengubah bentuk anggota tubuh seseorang disebabkan oleh adanya kecacatan bawaan lahir. Cacat ini mungkin menyebabkan tekanan emosional yang signifikan, dan sebagai hasilnya, individu tersebut memilih untuk menjalani operasi plastik. Pandangan yang kedua mengenai operasi plastik adalah prosedur yang mengubah bentuk anggota tubuh, terutamanya wajah, dengan tujuan untuk meningkatkan penampilan dan kecantikan diri. Proses ini sering dilakukan di klinik-klinik kecantikan sebagai bagian dari upaya untuk mencapai standar kecantikan yang diinginkan.

Abdul Karim Zaidan, berpegang kepada Madzhab Hanafi, beliau mengikuti urutan prinsip dalam pengambilan hukum iaitu al-Kitab, as-Sunnah, Qoul Sahabi, al-Ijma[‘], al-Qiyas, al-Istihsan, dan al-Urf. Penggunaan al-Istihsan digunakan olehnya apabila terdapat kemaslahatan jelas atau dalam keadaan darurat, dan mengesampingkan Qiyas. Istihsan adalah perpindahan daripada qiyas kepada ketentuan qiyas lain yang lebih kuat dengan spesifikasi menggunakan dalil yang lebih kuat. Dalam konteks pengambilan hukum operasi plastik, Abdul Karim Zaidan menggunakan kaedah istimbath ihtihsan (Andriyani, 2021).

Hukum Pembedahan Plastik untuk Kecantikan Menurut Quran Sunnah, Fiqh dan Fatwa

Banyak orang menganggap enteng dan tidak menghiraukan hukum berkaitan pembedahan plastik, terutama ketika berkaitan dengan kecantikan dan peningkatan penampilan tubuh serta wajah. Pembedahan ini sering dilakukan tanpa alasan perubatan yang jelas atau keperluan yang sah, tetapi semata-mata untuk tujuan kecantikan. Hakikatnya, kebanyakan fatwa menegaskan bahawa hukum bagi seseorang yang menjalani pembedahan plastik untuk tujuan kecantikan atau nama lainnya adalah pembedahan tahsiniyyah adalah haram (Hamdan, 2018). Tahsiniyyat ialah aspek-aspek yang memperindah dan menyempurnakan kehidupan manusia. Walaupun ketiadaan elemen-elemen al-tahsiniyyah tidak menyebabkan kesulitan dalam kehidupan seperti halnya dengan ketiadaan al-daruriyyat dan al-hajiyyat, kehadiran al-tahsiniyyat dapat meningkatkan kualiti kehidupan seseorang menjadi lebih sempurna (Bakharudin, 2021).

Contohnya, seseorang yang melakukan pembedahan plastik untuk merubah bentuk hidungnya tanpa alasan perubatan yang munasabah atau keperluan perubatan yang mendesak akan dianggap melanggar hukum Islam. Tindakan tersebut diharamkan kerana dianggap sebagai perbuatan yang bertentangan dengan prinsip-prinsip agama, yang menekankan kepentingan pemeliharaan asal tubuh yang diberikan oleh Allah. Sebagaimana dalam al-Quran telah menegaskan bahawa mengubah ciptaan Allah adalah haram. Ini berdasarkan kepada surah al-Rum ayat 30:

فَطَرَتِ اللَّهُ الَّتِي فَطَرَ النَّاسَ عَلَيْهَا لَا تَبْدِيلَ لِخَلْقِ اللَّهِ ذَلِكَ الدِّينُ الْقَيِّمُ وَلَكِنَّ أَكْثَرَ النَّاسِ لَا يَعْلَمُونَ

Maksudnya: "Tetaplah atas fitrah Allah SWT yang telah menciptakan manusia atas fitrah itu, tidaklah patut ada sebarang perubahan pada penciptaan (fitrah) Allah itu".

Dalil al-Quran dan Hadith Tentang Larangan Taghyir Khalqillah

Terdapat dalil daripada al-Quran dan Hadith yang menyatakan tentang larangan mengubah ciptaan Allah SWT bertujuan untuk kecantikan semata-mata. Ini dinyatakan dalam surah an-Nisa' ayat 119:

وَالَّذِينَ هُمْ وَأُمَّهَاتُهُمْ فَأُولَئِكَ الَّذِينَ هُمْ وَأُمَّهَاتُهُمْ فَلْيَرْجِعْ إِلَىٰ ذُنُوبِهِمْ لَمْ يَعْمَلُوا بِالْحَسَنَةِ أُولَئِكَ أَمْثَلُ الَّذِي يُضِلُّ الْبَصِيرَ
حُسْرَانًا مِّمَّنَّا

Maksudnya: (Syaitan berkata): “Dan demi sesungguhnya, aku akan menyesatkan mereka (dari kebenaran), dan demi sesungguhnya aku akan memperdayakan mereka dengan angan-angan kosong, dan demi sesungguhnya aku akan menyuruh mereka (mencacatkan binatang ternak), lalu mereka membelah telinga binatang itu, dan aku menyuruh mereka mengubah ciptaan Allah SWT”. Dan (ingatlah), sesiapa yang mengambil syaitan menjadi pemimpin yang ditaati selain dari Allah SWT, maka sesungguhnya rugilah dia dengan kerugian yang terang nyata. (Quran, 4:119)

Selain itu, terdapat juga hadith yang menerangkan tentang larangan mengubah ciptaan Allah SWT. Hadith ini diriwayatkan oleh Abdullah bin Mas'ud RA bahawa nabi SAW bersabda:

لَعَنَ اللَّهُ الْوَائِمَاتِ وَالْمُسْتَوْشِمَاتِ وَالنَّامِصَاتِ وَالْمُتَنَبِّصَاتِ وَالْمُتَفَلِّجَاتِ لِلْحُسْنِ الْمُعَيَّرَاتِ خَلْقَ اللَّهِ

Maksudnya: "Allah SWT melaknat wanita-wanita yang melukis tatu dan wanita yang meminta dibuat tatu, wanita-wanita yang mencukur bulu kening dan wanita yang meminta mencukur bulu kening dan wanita-wanita yang menjarangkan gigi untuk kecantikan yang mana ia merubah ciptaan Allah SWT". [Hadis riwayat Bukhari dalam Kitab al-Tafsir, no. hadis 4886 dan Muslim dalam Kitab al-Libas wa al-Zinah, no. hadis 2125]

Dalam Islam, konsep kecantikan ditekankan sebagai penerimaan terhadap ciptaan Allah. Oleh itu, melakukan perubahan pada ciri-ciri asal tubuh yang diberikan oleh-Nya hanya untuk kecantikan dilihat sebagai tindakan yang melanggar prinsip keislaman. Hukum haram ini mencerminkan pandangan agama terhadap nilai keaslian dan kesempurnaan ciptaan Allah, serta penolakan terhadap tindakan yang dapat merubahnya tanpa alasan yang jelas dan munasabah.

Hukum Melakukan Pembedahan Plastik dengan Tujuan Kecantikan (Tahsiniyyat)

Kebanyakan ulama Islam bersetuju bahawa pembedahan plastik yang dilakukan atas keperluan, sama ada daripada aspek daruriyyat atau hajiyyat, adalah dibenarkan. Ini

berdasarkan ajaran Nabi SAW yang mendorong pengikutnya untuk mendapatkan perawatan. Walau bagaimanapun, terdapat perbezaan pandangan di kalangan mereka mengenai status hukum pembedahan plastik yang dilakukan semata-mata untuk kecantikan atau alasan lain yang dianggap tidak penting. Secara umum, Islam mendorong penganutnya untuk terlihat cantik, sebagaimana dinyatakan dalam hadis oleh Nabi SAW, yang diriwayatkan oleh Ibn 'Umar: "Allah SWT adalah Cantik dan menghargai kecantikan, dan Dia suka melihat tanda-tanda nikmat-Nya pada hamba-Nya" (Al-Tabrani, 1995). Pendapat ulama tentang kebolehan melakukan pembedahan plastik untuk tujuan kecantikan dapat dikategorikan ke dalam empat kategori iaitu:

Pertama: Secara asasnya pembedahan plastik dibolehkan dalam Islam, walaupun melibatkan perubahan pada ciptaan Allah SWT. Walaupun pembedahan plastik dibolehkan dan diharuskan dalam Islam namun, terdapat pengecualian tertentu yang jelas dilarang dalam hadith. Contohnya membuat tatu, menyambung rambut, mencukur bulu kening dan menjarakkan gigi. Pandangan ini bersandar pada prinsip Al-Quran yang menyatakan segala sesuatu pada asalnya adalah harus. Ini berdasarkan kepada firman Allah SWT dalam surah al-An'am ayat 119. Islam juga membenarkan perhiasan diri dengan syarat tidak membazir dan mematuhi batasan aurat. Larangan atas dasar mengubah ciptaan Allah SWT tidak dianggap mutlak, memandangkan beberapa bentuk perubahan seperti berkhatan, berinai dan memotong rambut diterima dalam Islam (Bandari, 2009).

Kedua: Pembedahan plastik yang dilakukan semata-mata untuk kecantikan diri dan bentuk fizikal adalah haram secara mutlak. Hal ini kerana perbuatan ini dianggap salah satu bentuk penggubahan terhadap ciptaan asal yang dianugerahkan oleh Allah SWT kepada manusia. Pendapat ini bersandar pada hujah yang jelas terhadap nas-nas syarak yang melarang perubahan pada ciptaan Allah SWT, tanpa mengira perubahan tersebut berbentuk sementara atau kekal (Al-hathi, 2009).

Ketiga: Pembedahan plastik yang menghasilkan perubahan yang kekal pada seseorang diharamkan dalam Islam. Sebaliknya, jika kesan daripada pembedahan tidak bersifat kekal diterima dalam Islam. Contohnya, larangan membuat tatu kerana ianya bersifat kekal manakala diharuskan memakai celak dan inai kerana ianya bersifat sementara (Bandari, 2009).

Keempat: Pembedahan plastik yang berunsurkan penipuan adalah diharamkan di sisi Islam. Contohnya, membuat pembedahan plastik pada wajah untuk kelihatan lebih muda dari umur yang asal dan menukar wajah penjenayah. Hal ini kerana *'illah* ini membawa kepada unsur penipuan (Al-hathi, 2009).

Oleh itu, Islam sangat mengambil berat terhadap penetapan suatu hukum termasuklah hukum pembedahan plastik sama ada ianya bertujuan untuk tahsiniyyat, daruriyyat dan hajiyyat. Ini dapat disimpulkan bahawa pembedahan plastik yang berbentuk tahsiniyyat adalah diharamkan di sisi Islam kerana ianya dianggap sebagai satu perbuatan mengubah ciptaan Allah SWT. Sekiranya pembedahan plastik itu dilakukan kerana daruriyyat dan hajiyyat maka ianya diharuskan dan dibolehkan dalam Islam.

Rujukan

Al-Quran

- Al-Bukhari, M. I. (2000). *Sahih al-Bukhari*. (S. ‘Abdul ‘Aziz Ali Sheikh, Ed.) (2nd ed.). Riyad: Dar al-Salam.
- Al-Naisaburi, M. H. al-Q. (2000). *Sahih Muslim*. (S. ‘Abdul ‘Aziz Ali Sheikh, Ed.) (2nd ed.). Riyad: Dar al-Salam.
- Abdul Razak, D. N., & Hafizam Hasmi, D. A. (2023, August 14). Perketat undang-undang sekat pembedahan kosmetik haram. *Berita Harian Online*. Retrieved from <https://www.bharian.com.my/rencana/lain-lain/2023/08/1140164/perketat-undang-undang-sekat-pembedahan-kosmetik-haram>
- Aleas, C. F. (2022, November 27). Pembedahan Rekonstruktif. Retrieved December 19, 2023, from medic.usm.my website: <https://medic.usm.my/rekonstruktif/index.php/ms/prkhidmatan-klinikal/surgeri-rekonstruktif>
- Al-Haiti, A. S. I. (2009). al-Jirahah al-Tajmiliyyah: Dawabituha wa al-Takyif al-Fiqhi Laha. In Mu " tamar al-Fiqh al-Islami al-Thani (pp. 2881 - 2928). Riyad: Universiti al-Imam MuhammadSu " ud al-Islamiyyah.
- Al-Tabrani, S. A. (1995). al-Mu'jam al-Awsat. ('Abdul Muhsin Ibrahim Al-Husayni & 'IwadullahTariq Muhammad, Eds.). Kaherah: Dar al-Haramain.
- Andriyani, Novia Wahyu. *Studi Komparatif Pandangan Wahbah Zuhaili Dan Abdul Karim Zaidan Tentang Operasi Plastik*. 9 Aug. 2021, p. pp. 73.
- Aravik, Havis, et al. "Operasi Plastik Dalam Perspektif Hukum Islam." *Mizan: Journal of Islamic Law*, vol. 2, no. 2, 1 Dec. 2018, pp. 183–194, www.jurnalfai-uikabogor.org/index.php/mizan/article/view/296/288. Accessed 18 Nov. 2023.
- Arifin Nasrul. *Ketentuan- Ketentuan Operasi Plastik*. 2017.
- Azhar, Muhammad Afifi, and Mohd Izhar Ariff Mohd Kashim. "Dawabit Fatwa Mengubah Ciptaan Allah Yang Diharamkan Menurut Ulama [Dawabit Fatwa Altering God's Creation Which Is Forbidden according to the Ulema]." *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences (E-ISSN: 2600-9080)*, vol. 6, no. 4, 11 Sept. 2023, pp. 114–126, www.bitarajournal.com/index.php/bitarajournal/article/view/418/345. Accessed 19 Nov. 2023.
- Azizah Kumalasari. (2020). Signifikansi Larangan Operasi Plastik Dalam Penafsiran QS. An Nisa (4): 119 Perspektif Ma'na Cum Maghza. *Al-Irfan*, 3(2), 202–222. <https://doi.org/10.36835/al-irfan.v3i2.3962>

- Azmy, D. I. (2011). Retrieved from <https://www.scribd.com/doc/53707859/Pembedahan-Plastik-Menurut-Perspektif-Islam>
- Bakharudin, A. Y. (2021, August 4). Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan - BAYAN LINNAS SIRI KE-189: MAQASID SYARIAH DALAM PERUBATAN. Retrieved from muftiwp.gov.my website: <https://muftiwp.gov.my/ms/perkhidmatan/artikel-soal-jawab/3541-bayan-linnas-siri-ke-189-maqasid-syariah-dalam-perubatan>
- Bakharudin, Y. (2021, August 4). Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan - IRSYAD AL-FATWA SIRI KE-599: HUKUM SUNTIKAN PADA WAJAH AGAR BERBENTUK V (V-SHAPE FACE). Retrieved November 20, 2023, from muftiwp.gov.my website: <https://muftiwp.gov.my/ms/artikel/irsyad-fatwa/irsyad-fatwa-umum/4903-irsyad-al-fatwa-siri-ke-599-hukum-suntikan-pada-wajah-agar-berbentuk-v-v-shape-face>.
- Bandari, A. Y. 'Abdul M. (2009). *al-Dawabit al-Shar'iyah li al-'Amaliyyat al-Tajmiliyyah*. In *Mu'tamar al-Fiqh al-Islami al-Thani* (pp. 2559 –2626). Riyadh: Universiti al-Imam Muhammad Su'ud al-Islamiyyah.
- Ben-Ari, S. (2013). The changing attitude of Islam toward cosmetic procedures and plastic surgery. *Acta Orientalia Academiae Scientiarum Hungaricae*, 66(2), 147–161. <https://doi.org/10.1556/aorient.66.2013.2.2>
- Dixon, M. J., Marazita, M. L., Beaty, T. H., & Murray, J. C. (2011). Cleft lip and palate: understanding genetic and environmental influences. *Nature Reviews. Genetics*, 12(3), 167–178. <https://doi.org/10.1038/nrg2933>
- Fatahillah, Aji Haqqi, A. R., Matali, A., & Kurniawan, C. S. (2023). Pandangan Ulama Terhadap Pembedahan Plastik | Ahkam: Jurnal Hukum Islam. *Ejournal.uinsatu.ac.id*, Vol 10 (2022) (No 1). Retrieved from <https://ejournal.uinsatu.ac.id/index.php/ahkam/article/view/5560>
- Hamdan, M. N., Ramli, M. A., & Wan Ali, W. N. D. (2006). (PDF) Pembedahan Plastik Dan Rekonstruksi Yang Melibatkan Pengubahan Ciptaan Allah SWT: Analisis Berdasarkan Parameter Maqasid al-Shari'ah. Retrieved from ResearchGate website: https://www.researchgate.net/profile/Mohd-Anuar-Ramli/publication/308964204_Pembedahan_Plastik_Dan_Rekonstruksi_Yang_Melibatkan_Pengubahan_Ciptaan_Allah_SWT_Analisis_Berdasarkan_Parameter_Maqasid_al-Shari
- Hamdan, M. N., Ramli, M. A., & Wan Ali, W. N. D. (2016, October 22). (PDF) Pembedahan Plastik dan Rekonstruksi Yang Melibatkan Pengubahan Ciptaan Allah SWT: Analisis Berdasarkan Parameter Maqasid al-Shari'ah. Retrieved November 20, 2023, from ResearchGate website: https://www.researchgate.net/profile/Mohd-Anuar-Ramli/publication/308964204_Pembedahan_Plastik_Dan_Rekonstruksi_Yang_Melibatkan_Pengubahan_Ciptaan_Allah_SWT_Analisis_Berdasarkan_Parameter_Maqasid_al-Shari

- Hamdan, N., Anuar, M., Aminudin, Hanani, N. N., Faiz, M., & Azizul, S. (2021). The Application of Maqasid-Oriented Approach in Islamic Bioethics: A Case Study on Fatwa Related to Cosmetic, Plastic and Reconstructive Surgery. *IUM Medical Journal Malaysia*, 20(1).
<https://journals.iium.edu.my/kom/index.php/imjm/article/download/1781/1116/6568>
- https://repository.uinsaizu.ac.id/11999/1/NOVIA%20WAHYU%20ANDRIYANI-STUDI%20KOMPARATIF%20PANDANGAN_WAHBAH%20ZUHAILI%20DAN%20ABDUL%20KARIM%20ZAIDAN%20TENTANG%20OPERASI%20PLASTIK.pdf
- Kurniawan, M. N. (2023, jun 22). *Operasi Plastik Perspektif Hukum Islam*. Retrieved from OSF Preprints: <https://doi.org/10.31219/osf.io/3q8gj>
- Maghfiroh, N., & Heniyatun. (2015). KAJIAN YURIDIS OPERASI PLASTIK SEBAGAI IJTIHAD DALAM HUKUM ISLAM. *PROSIDING SEMINAR NASIONAL & INTERNASIONAL*, (0). Retrieved from
<https://jurnal.unimus.ac.id/index.php/psn12012010/article/view/1528/1580>
- Media Permata. (2018, October 5). Pembedahan plastik: Apa hukumnya? Media Permata Online. Retrieved June 17, 2022, from Pembedahan plastik: Apa hukumnya? website: <https://mediapermata.com.bn/pembedahan-plastik-apa-hukumnya/>
- Nadiah, N. (2021, April 25). Pembedahan Kosmetik Bukan Pembedahan Plastik! Ini Perbezaan, Pro & Kontra Melakukannya. Retrieved from Hello Doktor website: <https://hellodoktor.com/sihat-bergaya/pro-kontra-pembedahan-kosmetik/>
- Ney, P. (2023). Analisis Hukum Terhadap Praktek Operasi Bedah Plastik Dalam Perspektif Hukum Islam. *Mandub: Jurnal Politik, Sosial, Hukum Dan Humaniora*, 1(3), 200–219. <https://doi.org/10.59059/mandub.v1i3.378>
- Nurlianda, Vina. *Indikasi Keharaman Operasi Plastik Dalam Perspektif Hukum Islam*. Universitas Pasundan institutional Repositories & Scientific Journals, 18 Nov. 2020. <http://repository.unpas.ac.id/51106/6/COVER.pdf>
- NUSI, N. H. (2023, March 29). Haram ubah wajah, jangan terikut hasutan iblis. Retrieved November 19, 2023, from Kosmo Digital website: <https://www.kosmo.com.my/2023/03/29/haram-ubah-wajah-jangan-terikut-hasutan-iblis/>
- Salehi, Hamid Reza. (2014). Legal aspects of cosmetic and plastic surgery. *International Journal of Humanities and Social Science*. Volume 2, Issue2, 2014: 111-115.
https://www.researchgate.net/publication/263854643_Legal_aspects_of_cosmetic_and_plastic_surgery

Syukur Al-Azizi, Abdul. *Buku Lengkap Fiqh Wanita; Manual Ibadah dan Muamalah Harian Muslimah Shalihah*, (Yogyakarta: Diva Press, 2015).

Woo, K. J. (2004). The Beauty Complex and the Cosmetic Surgery Industry. *Korea Journal*, 44(2). Retrieved from <https://www.econbiz.de/Record/the-beauty-complex-and-the-cosmetic-surgery-industry-woo-keong/10007441866>

Zahwa, et al. "Operasi Bariatrik Menurut Pandangan Islam." *Religion : Jurnal Agama, Sosial, Dan Budaya*, vol. 1, no. 5, 14 Oct. 2023, pp. 388–407, maryamsejahtera.com/index.php/Religion/article/view/364/294, <https://doi.org/10.55606/religion.v1i5.364>. Accessed 23 Nov. 2023.